

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Bisnes / Pg. B3
Date	Tue, 11th Oct 2016	Lead Article	Yes
Headline	Sedania,U Mobile Lancar Creditshare		



Dari kiri, Pengarah Eksekutif Sedania Innovator, Firoz Mohd Noor; Pengarah Sedania Innovator, Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid; Lee dan Azrin pada majlis pelancaran perkhidmatan U Mobile CreditShare di Kuala Lumpur, semalam.

Sedania, U Mobile lancar Creditshare

➔ Pelanggan prabayar U Mobile boleh pindah kredit mudah alih

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Syarikat pemerksaan teknologi, Sedania Innovator Bhd dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi mudah alih U Mobile Sdn Bhd, meraikan peristiwa penting dalam kerjasama perniagaan serta pembangunan teknologi dengan pelancaran perkhidmatan U Mobile CreditShare.

Dengan pelancaran itu, pelanggan prabayar U Mobile kini boleh memindah atau meminta kredit mudah alih daripada pengguna lain melalui USSD Menu Browser (UMB), aplikasi MyUMobile, SMS atau melalui Web.

Pelanggan U Mobile yang ingin memindahkan kredit kepada pelanggan prabayar U Mobile yang lain hanya boleh

melakukannya melalui USSD Browser Menu (UMB) dan SMS atau menggunakan aplikasi ShareShare yang boleh didapati dari Google Play dan iOS App Store prabayar.

Pengarah Urusan Sedania Innovator, Datuk Azrin Mohd Noor, berkata kerjasama antara Sedania dengan U Mobile merencanakan lagi industri telekomunikasi, selain memberikan kebaikan kepada pelbagai pihak.

Menerusi teknologi itu, katanya, pelanggan U Mobile tidak lagi dibelenggu masalah kredit terutama membuat panggilan penting atau kecemasan kerana ia membolehkan pelanggan U Mobile untuk berkongsi kredit dengan mudah dan berkesan.

Sentiasa cari peluang

"Lebih penting lagi, mereka boleh merancang ke hadapan untuk menghantar dan meminta kredit mudah alih dengan cara yang cepat, selamat dan mudah di mana saja mereka berada serta bila-bila masa yang mereka mahu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pemasaran U Mobile, Jasmine Lee, berkata pihaknya sentiasa mencari peluang untuk menambah nilai dan meningkatkan mutu pengalaman pelanggan

Fakta nombor

15 UNIT

telefon pintar ditawarkan kepada pelanggan prabayar U Mobile

dalam menggunakan perkhidmatannya.

"Kami dapati pemindahan kredit mudah alih adalah suatu kaedah yang sangat popular untuk pengguna prabayar berkongsi kredit dengan keluarga atau rakan.

"Justeru, U Mobile percaya perkhidmatan CreditShare yang berkuat kuasa bulan lalu akan diterima baik pelanggan sedia ada dan baru kami," katanya.

Sedania Innovator memeterai perjanjian perkongsian dengan U Mobile pada tahun ini bagi menyediakan perkhidmatan CreditShare melalui platform dibangunkan Sedania Innovator.

Bersempena pelancaran perkhidmatan CreditShare, Sedania Innovator dan U Mobile menganjurkan pertandingan yang mana pelanggan U Mobile berpeluang memenangi hadiah menarik apabila mereka menggunakan perkhidmatan CreditShare untuk berkongsi kredit dengan ahli keluarga dan rakan dalam rangkaian.

Dalam tempoh 12 minggu akan datang, bermula 10 Oktober 2016, penyelesaian 'peer-to-peer' dinamik itu menawarkan 15 unit telefon pintar kepada pelanggan prabayar U Mobile yang memindahkan kredit telefon bimbit dalam tempoh peraduan kepada ahli keluarga dan rakan.